

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HMP 304 - Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia

Tarikh: 15 April 1988

Masa: 2.45 petang - 5.45 petang  
(3 Jam)

Jawab LIMA(5) soalan. TIGA(3) soalan daripada Bahagian A dan DUA(2) soalan daripada Bahagian B. Tiap-tiap soalan perlu dijawab secara berasingan.

**BAHAGIAN A - Jawab tiga(3) soalan**

1. Bahasa Melayu di Malaysia dinamai Bahasa Malaysia, di Indonesia dinamai Bahasa Indonesia manakala di Brunei Darussalam dinamai Bahasa Melayu Brunei sahaja. Berikan hujah anda bahawa sebaiknya di Malaysia dan di Indonesia bahasa tersebut dinamai Bahasa Melayu.
2. Abdullah Munshi di dalam bukunya "Hikayat Abdullah" (Pustaka Antara 1966) dan Dr. Mahathir Mohamad di dalam ucapannya semasa pelancaran "Cintai Bahasa Kita" (Januari 1988) mengatakan bahawa Bahasa Melayu cacat kerana orang Melayu sendiri. Sila huraikan secara terperinci sebab-musabab mengapa berlakunya keadaan tersebut.
3. Perhatikan teks Batu Bersurat Terengganu yang telah ditranskripsikan ke dalam ejaan Rumi.
  - (a) Rasulullah dengan orang sahabi mereka (sekalian)
  - (b) Asa pada Dewata Mulia Raya memberi hamba meneguhkan Agama Islam
  - (c) Dengan benar bicara, derma mereka bagi sekalian hamba Dewata Mulia Raya
  - (d) Di benuaku ini Pembantu Agama Rasulullah Sallallahu alaihi Wasallam raja
  - (e) Mandalika yang benar bicara sebelah Dewata Mulia raya di dalam
  - (f) Bumi Pembantu itu fardhu pada sekalian raja Manda

.../2

- (g) Lika Islam menurut setitah Dewata Mulia Raya dengan benar
- (h) Bicara berbajikan betul pembantu itu maka titah Seri Paduka
- (i) Tuan menduduki tamra ini di benua Terengganu adi pertama ada
- (j) Jumaat di bulan Rejab di tahun Saratan di sasanakala
- (k) Baginda Rasulullah telah lalu tujuh ratus dua

Berikan huraian maksud tiap-tiap ayat di atas.

- 4. Nyatakan pengaruh Bahasa Eropah terhadap Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia terutama di dalam bidang penggunaan dan penulisan bermula daripada Marsden 1812.
- 5. Apakah sumbangan ASAS '50 di Malaya dan Angkatan '45 di Indonesia di dalam mendaulatkan Bahasa Melayu di negara masing-masing.
- 6. Laporan Razak (1956) menekankan bahawa Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah sahaja. Menurut pendapat anda apakah laporan di atas menganggap bahawa Bahasa Melayu tidak mampu berperanan hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

**BAHAGIAN B - Jawab dua(2) soalan**

- 7. Kewibawaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan sering tercabar. Huraikan.
- 8. Bahasa Malaysia di dalam perundangan: satu kemunasabahan. Bincangkan.
- 9. Peminjaman istilah-istilah asing khasnya Inggeris lebih merumitkan proses pembinaan dan pembakuan Bahasa Melayu. Bincangkan.